

'Dakwat Asia' seruan lunturkan dominasi Barat kawal ekonomi global

• Sistem ekonomi kapitalisme juga kononnya dikatakan sebagai satu sistem ekonomi sejagat seperti tidak ada alternatif, yang mana seluruh dunia perlu mengikutinya

• Justeru, menyambut gagasan idea Anwar ini, negara Selatan Global perlu bersatu dalam proses peralihan orde dunia berlaku ketika ini yang lebih terarah kepada dunia berbentuk multipolar

Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my



Felo Bersejutu Kanan, Institut Dasar Ekonomi Dan Kewangan (ECOFI) Universiti Utara Malaysia

Ketika menyampaikan Syarahan Awam di Universiti Tainjin bersempena lawatan kerja empat hari ke China, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mencadangkan beberapa idea progresif untuk dunia, terutama negara Selatan Global dalam mendepani ketidakpastian perdagangan antarabangsa akibat pengenaan tarif timbal balik dan tarif sektoral oleh kerajaan Amerika Syarikat (AS).

Dengan syarahan bertajuk 'Sovereign Interdependence: Building a Shared Future in Asia', Anwar mengetengahkan konsep 'saling bergantung secara berdaulat'.

Dengan erti kata lain, pengaturcaraan ekonomi global dan bentuk perdagangan antarabangsa pada ketika ini dan di masa akan datang perlu mengambil kira pendapat serta kepentingan negara bukan barat.

Mesej dan konsep ini juga berkait dengan Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Shanghai 2025 diadiri Anwar atas jemputan Presiden China, Xi Jinping.

Sejak Presiden AS, Donald Trump memperkenalkan apa yang disebut beliau sebagai tarif timbal balas ketika 'Hari Pembebasan' pada 2 April lalu, ekonomi dunia menjadi tidak menentu.

Beberapa penganalisis ekonomi dan pemimpin dunia melihat era globalisasi berasaskan perundangan serta mekanisme perdagangan bebas sudah tidak lagi dihormati.

Pada sekitar abad ke-19 ketika era penjajahan, dunia secara keseluruhannya disulami dengan pemikiran dan tradisi ilmu berbentuk Eurosentrik. Penyelesaian kepada masalah Eurosentrisme ini bukan bermaksud negara lain seperti Malaysia dan Selatan Global anti-Barat, tetapi keperluan untuk mengkaji, mentafsir semula serta melakukan penambahbaikan kepada ilmu, konsep, teori, idea dan pemikiran mencorakkan jalan politik serta ekonomi dunia.

Ini bermatlamat supaya tidak hanya timbul dari sudut pandang tradisi kesarjanaan dan konteks Eropah-Amerika semata-mata, tetapi berbentuk sejagat dan mengambil kira realiti sebenar keadaan, konteks, pemikiran, idea serta masalah dan keperluan daripada perspektif benua Eropah.

Masalah Eurosentrisme ini mempunyai pelbagai dimensi dan aspeknya. Namun begitu, dalam hal

konsep 'saling bergantung secara berdaulat' ini, ia boleh dilihat menjurus dalam dimensi ekonomi politik.

Dalam ucapan beliau, Anwar menghuraikan beberapa detik sejarah dalam bidang ekonomi. Pertamaanya berkait dengan sistem kewangan antarabangsa yang muncul selepas Perang Dunia Kedua.

Sistem kewangan ini diangkat berdasarkan kepada institusi ditubuhkan ketika itu, seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

IMF, Bank Dunia dikawal oleh Barat

Pada hari ini, kita semua mengetahui IMF dan Bank Dunia ini dikawal, dipimpin dan dipengaruhi oleh idea serta ideologi pemikiran dari Barat.

Sistem ekonomi kapitalisme juga kononnya dikatakan sebagai satu sistem ekonomi sejagat seperti tidak ada alternatif, yang mana seluruh dunia perlu mengikutinya.

Begitu juga dengan konsep pembangunan kita fahami hari ini masih berbentuk Eurosentrik. Sebab itu, Anwar mengatakan pengaturcaraan semula ekonomi global mestilah juga ditulis dengan 'dakwat Asia'.

Sistem ekonomi, kewangan, institusi global, konsep dan teori pembangunan perlu berbentuk global serta antarabangsa dalam erti kata sebenar.

Anwar juga menyentuh berkenaan dengan pengakhiran piawaian emas pada 1971. Keputusan dibuat Presiden Richard Nixon ketika itu, berpunca daripada kos perang Vietnam tinggi, menyebabkan do-

minasi AS dalam sistem kewangan global dan pasaran kewangan antarabangsa.

Walaupun keputusan Nixon untuk tidak lagi menyandarkan nilai dolar kepada emas pada mulanya hanya berbentuk sementara, namun ia masih kekal sehingga ke hari ini.

Sekali lagi, keputusan penting ini dibuat dalam konteks Eropah-Amerika. Hari ini, dunia menerima tamparan hebat dengan keputusan unilateral atau sebelah pihak dibuat Trump berkenaan dengan tarif.

Ini satu contoh jelas bagaimana konsep Eurosentrisme dalam dimensi ekonomi politik masih terjajah dan dilaksanai.

Di sinilah penting idea 'saling bergantung secara berdaulat' ini sebagai penyelesaian dan naratif baharu kepada tindakan dibuat Trump, seperti ditegaskan Perdana Menteri.

Justeru, menyambut gagasan idea Anwar ini, negara Selatan Global perlu bersatu dalam proses peralihan orde dunia berlaku ketika ini yang lebih terarah kepada dunia berbentuk multipolar.

Dalam konteks ini, jelas negara Asia bukan hanya perlu mengkritik, tetapi menyediakan alternatif ke arah sebuah orde global ekonomi lebih adil supaya kemakmuran dapat ditingkatkan dan dikongsi secara bersama.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Anwar berucap pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Shanghai 2025 di Tianjin, Isnin lalu.

(Foto BERNAMA)